

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(DALAM TALIAN)**

**SEMESTER II
SESSI 2020/2021**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20202
KOD PROGRAM : BBA
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2021
TEMPOH : 2 JAM
ARAHAN : SILA JAWAB **SEMUA** SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TUJUH (7)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

BAHAGIAN A:

S1 Apakah jenis kaedah penggambaran fotografi yang ditunjukkan seperti dalam **Rajah S1**



Rajah S1

- A *selfie shooting*
- B *vertical shooting*
- C *horizontal shooting*
- D *photography shooting*

S2 Berikut merupakan asas-asas dalam seni fotografi kecuali

- A imej
- B cahaya
- C subjek
- D kamera


S3 TIFF atau dikenali sebagai *Tag Image File Format* diperkenalkan pada tahun

- A 1984
- B 1982
- C 1986
- D 1992

S4 En Jaafar merupakan juru foto rasmi UTHM. Beliau dikehendaki untuk membuat penggambaran foto untuk Majlis Serahan Alat Peranti kepada pelajar B40 yang diadakan pada jam 2.30 petang di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Untuk mendapatkan tahap kepekaan sensor kepada cahaya yang baik semasa mengambil gambar, beliau perlu menetapkan tahap ISO pada kamera DSLR seperti

- A 400 (*fast*)
- B 100 - 200 (*medium*)
- C 1600 (*ultra-fast*)
- D 3200 – 6400 (*supersonic*)

- S5** Proses merakam audio memerlukan proses yang teliti agar kualiti audio yang dihasilkan berada pada tahap yang baik. Pilih pernyataan yang betul tentang kaedah untuk mendapat kualiti audio yang baik
- I studio rakaman digunakan untuk merakam audio
 - II mikrofon *boya by-mm1* digunakan untuk merakam bunyi ke bentuk digital
 - III proses editing menggunakan perisian *sound forge* digunakan untuk membuang bunyi bising
 - IV audio jenis pita kaset digunakan untuk storan
- A I, III dan IV sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S6** Pernyataan berikut menyatakan maklumat tentang amplitud dalam gelombang audio kecuali
- A amplitud dan frekuensi merupakan faktor yang penting dalam gelombang audio
 - B semakin tinggi puncak gelombang audio, semakin tinggi bunyi yang dikeluarkan
 - C *pitch* merupakan jarak antara gelombang audio
 - D puncak amplitud mewakili *volume audio*
- S7** **Rajah S7** menunjukkan satu litar gelombang audio. Jelaskan nama jenis gelombang tersebut



Rajah S7

- A audio
- B gelombang analog digital
- C pengubah analog digital
- D frekuensi analog digital

- S8** Rakaman dokumentari mengenai pengurusan pelajar semasa situasi COVID-19 di UTHM telah dibuat oleh pihak *Motion Picture Malaysia*. Semasa sesi rakaman temu bual bersama seorang pelajar, wartawan tersebut telah menggunakan tripod untuk menggerakkan kamera video secara *zoom in* dan perlahan-lahan *zoom out* muka pelajar yang ditemubual. Apakah jenis pergerakan kamera yang digunakan oleh wartawan tersebut?
- A *Panning*
 - B *Tilting*
 - C *Zooming*
 - D *Dollying*
- S9** Pernyataan yang mana menjelaskan mengenai perspektif gambaran subjektif dalam sesuatu penggambaran
- A Pihak Astro Awani telah membuat rakaman berita tentang situasi COVID-19 di Pusat Kurantin Arena di Sabah
 - B Video pra-montaj perasmian minggu transformasi mahasiswa yang melibatkan rakaman proses seorang pelajar B40 untuk mendaftar di UTHM.
 - C Dokumentari kesan COVID-19 di UTHM
 - D Temu bual pelajar yang telah sembuh dari jangkitan COVID-19
- S10** Semasa proses pembikinan video pra-montaj MTM semester 2 sesi 2020/2021, satu shot rakaman yang memberi fokus kepada beg yang lusuh pelajar B40 semasa perjalanan ke UTHM. Apakah jenis shot yang digunakan untuk membuat rakaman ini?
- A *Long shot*
 - B *Close-up shot*
 - C *Medium shot*
 - D *Extreme close-up shot*
- S11** Nyatakan jenis shot yang digunakan untuk **Rajah S11**



Rajah S11

- A *Long shot*
- B *Close-up shot*
- C *Medium shot*
- D *Extreme close-up shot*

S12 Aplikasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi

- I Pemprosesan perkataan
- II Perisian Multimedia
- III Pengkalan data
- IV Laman web

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S13 Pernyataan berikut menyatakan peranan yang *brainware* dalam penggunaan komputer dalam kehidupan seharian

- I Huda merupakan seorang juru program *Java* di Mahindra Satyam, Cyberjaya
- II Helmie menggunakan aplikasi Google dalam pemantauan proses operasi logistik di Syarikat Faiza Marketing
- III Harmain merupakan jurutera untuk memantau mesin Deposit tunai di bawah syarikat Opensync Malaysia.
- IV Nurzete merupakan pegawai analisis di syarikat Dyson Malaysia.

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C III dan IV sahaja
- D I dan IV sahaja

S14 Pernyataan berikut benar mengenai aplikasi komputer dalam proses pentaksiran pengajaran dan pembelajaran

- I Penggunaan *Kahoot* memudahkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran
- II *Google Scholar* memudahkan proses penilaian
- III *Quiziz* merupakan salah satu aplikasi yang memudahkan guru
- IV *Facebook* digunakan secara meluas untuk memudahkan pencarian maklumat

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C III dan IV sahaja
- D I dan IV sahaja

S15 Alatan yang wajib semasa proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) adalah seperti berikut kecuali

- A talian internet
- B peranti pintar
- C televisyen
- D sistem pengurusan pembelajaran

S16 *Microsoft teams* merupakan satu aplikasi

- A sistem pengurusan pembelajaran
- B telesidang
- C media sosial
- D perisian pemprosesan maklumat

S17 Pernyataan berikut menjelaskan mengenai satu bahan media pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah

Alatan ini diperbuat daripada fabrik untuk membantu meningkatkan interaksi pelajar secara aktif di dalam bilik darjah
Penggunaan papan ini membantu perkembangan pengajaran dan pembelajaran secara sedikit demi sedikit
Media ini boleh di bawa ke mana-mana bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran
Penggunaan kaedah tindih visual selalu digunakan sebagai satu teknik pengajaran semasa menggunakan alat ini.

Apakah alat/bahan ini?

- A Gambar foto
- B Papan flanel
- C Papan gulung
- D Tablet pintar

S18 Pernyataan berikut menyatakan mengenai objek semulajadi luar konteks kecuali

- A sebahagian enjin 4 lejang diletakkan di dalam bengkel automotif UTHM
- B pelajar sukar untuk mengaitkan bahan yang digunakan kepada dunia sebenar
- C penggunaan yang sangat terhad kepada beberapa komponen bahan sahaja
- D penggunaan memberi risiko kecederaan kepada pelajar

- S19** Projektor LCD merupakan satu bahan tayangan yang digunakan secara meluas di institusi pengajian tinggi. Pernyataan yang betul mengenai sistem projektor LCD ialah
- A panel LCD disambungkan dengan kabel VGA menghasilkan imej dan video yang jelas
 - B panel LCD disambungkan dengan HDMI menghasilkan imej dan video yang durasi tinggi
 - C jumlah gambar yang besar boleh disimpan dan dipancarkan dengan projektor LCD
 - D hanya komputer sahaja alat yang boleh digunakan untuk mempamerkan imej
- S20** Pada pertengahan 1980-an, multimedia mula dikaitkan dengan persembahan menerusi penggunaan komputer yang menggabungkan
- A tiga media bersepadu utama
 - B empat media utama
 - C lima media utama
 - D enam media utama

BAHAGIAN B:

- S21** Setelah dua (2) semester pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDP). Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru dan juga pelajar. Bincangkan kaedah terbaik bagi mengendalikan PDP supaya dapat menarik minat pelajar dan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. (10 Markah)
- S22** (a) Proses untuk membuat rakaman video memerlukan perancangan yang terperinci agar video yang dibuat mencapai objektif yang ingin disampaikan. Berikan empat (4) jenis perisian yang penting untuk proses penyuntingan video. (4 markah)
- (b) Penggambaran video yang baik mempunyai pelbagai jenis shot agar video yang dihasilkan dapat menarik perhatian penonton. Berikan tiga (3) jenis shot dan kegunaan shot tersebut dalam penggambaran video. (6 markah)
- S23** Bincangkan lima (5) langkah beserta contoh yang bersesuaian bagi setiap setiap langkah tersebut untuk menghasilkan bahan e-latihan dalam bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional. (10 markah)

-SOALAN TAMAT-